

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 03 JANUARI 2020

MUKA SURAT: 6

Janji satu juta rumah mampu milik boleh dicapai, kata Zuraida

PUTRAJAYA - Kerajaan berada di landasan yang tepat untuk mencapai sasaran membina satu juta unit rumah mampu milik dalam tempoh 10 tahun menjelang tahun 2028 seperti digariskan dalam manifesto Pakatan Harapan (PH).

Berkongsi perkembangan pelbagai projek perumahan yang rancak dibangunkan serta dirancang di Malaysia, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin berkata,



ZURAIDA

pemaju swasta turut menyatakan kesediaan membina lebih banyak rumah berharga RM300,000 ke bawah yang mempunyai permintaan tinggi.

Beliau berkata, setakat ini sebanyak 39,864 unit rumah mampu milik telah siap dibina dan 181,211 unit lagi dalam proses pembinaan, manakala 386,340 unit dalam status perancangan di seluruh negara.

"Untuk KPKT (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan), itu janji yang besar dengan sasaran kita

100,000 unit setahun. Pemaju swasta turut terlibat aktif dalam pembinaan rumah mampu milik.

"Rumah-rumah di bawah kategori lain juga rancak dibangunkan, antaranya 3,898 unit di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR), 4,448 unit Rumah Transit Belia dan 4,245 unit di bawah Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM), yang kesemuanya siap dibina pada tahun ini," katanya dalam wawancara bersama *Bernama* baru-baru ini.

Zuraida berkata, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) turut menyediakan rumah kepada 4,989 keluarga di

Malaysia dengan 3,019 daripadanya ialah Rumah Mesra Rakyat manakala 1,970 lagi unit Rumah Mampu Milik SPNB.

Berkongsi pengalaman dalam beberapa pertemuannya dengan pemaju swasta, Zuraida berkata, mereka memahami tentang keperluan pasaran terhadap rumah di bawah RM300,000 dan akan menyahut seruan kerajaan untuk mengurangkan pembinaan rumah mewah.

Tambah Zuraida, isu lambakan rumah mewah yang tidak terjual berlaku berikutan ketidakpadanan antara permintaan dan penawaran kerana ketiadaan data tepat untuk perancangan. -*Bernama*